

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 (05)



---

**SURAT PEKELILING BENDAHARI  
BILANGAN 5 TAHUN 2020**

---

**PINDAAN KEAHLIAN JAWATANKUASA  
BERKAITAN PENGURUSAN ASET  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**Pejabat Bendahari**

24 Januari 2020

**Disalinkan kepada :**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan

# UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 (05)

29 JANUARI 2020

## SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 5/2020

### **PINDAAN KEAHLIAN JAWATANKUASA BERKAITAN PENGURUSAN ASET UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

#### **1. TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf mengenai pindaan keahlian jawatankuasa berkaitan pengurusan aset di Universiti Malaysia Kelantan.

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Tatacara Pengurusan Aset Alih Universiti telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap kewangan Bil. 04/2015 yang telah bersidang pada 02 Oktober 2015 dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 04/2015 yang telah bersidang pada 17 Disember 2015.
- 2.2 Pindaan Keahlian Jawatankuasa Berkaitan Pengurusan Aset telah dibentangkan dan diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 1/2019 (Kali Ke-48) yang telah bersidang pada 31 Januari 2019.
- 2.3 Pindaan Keahlian Jawatankuasa Berkaitan Pengurusan Aset ini telah dibentangkan dan diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 01/2019 (Kali Ke-48) yang telah bersidang pada 31 Januari 2019 dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 01/2019 (Kali Ke-48) yang telah bersidang pada 31 Mac 2019.

- 2.4 Berdasarkan Tatacara Pengurusan Aset Alih Universiti tersebut, beberapa jawatankuasa ditubuhkan dan kuasa/fungsi bagi setiap jawatankuasa adalah sebagaimana Jadual 1 berikut:

BIL.	JAWATANKUASA	KUASA/FUNGSI
1.	Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Universiti (JKPAU)	Merancang, memantau, mengawasi dan menyelia semua aspek pengurusan aset alih Universiti.
2.	Jawatankuasa Pelupusan Universiti (JKPU)	Meluluskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset dan inventori Universiti bagi semua kaedah pelupusan tanpa mengira had nilai perolehan.
3.	Jawatankuasa Pemeriksa (Teknikal) Pelupusan	Memperakukan permohonan pelupusan untuk kelulusan JKPU.
4.	Pegawai Pemeriksa/Pemverifikasi Aset dan Inventori	Membuat pemeriksaan ke atas aset dan inventori sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.

**Jadual 1 : Kuasa/Fungsi Jawatankuasa Berkaitan Pengurusan Aset**

### 3.0 PINDAAN KEAHLIAN JAWATANKUASA BERKAITAN PENGURUSAN ASET

- 3.1 Pindaan keahlian Jawatankuasa berkaitan pengurusan aset ini dibuat adalah untuk mengatasi isu ketidakcukupan ahli bagi mengadakan mesyuarat seterusnya memastikan mesyuarat dapat dijalankan dengan lebih teratur dan sistematik serta mengikut tempoh sebagaimana yang telah ditetapkan dalam tatacara dan peraturan pengurusan aset alih Universiti yang berkuatkuasa.
- 3.2 Berikut pindaan keahlian jawatankuasa tersebut:

BIL.	JAWATANKUASA	KEAHLIAN	
		LAMA	PINDAAN
1.	Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Universiti (JKPAU)	<u>Pengerusi:</u> Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  <u>Pengerusi Ganti:</u> Mana-mana ahli yang dilantik oleh pengerusi	<u>Pengerusi:</u> Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  <u>Pengerusi Ganti:</u> Mana-mana Timbalan Naib Canselor

BIL.	JAWATANKUASA	KEAHLIAN	
		LAMA	PINDAAN
		<p><u>Ahli:</u>  a. Ketua Audit Dalam/Wakil  b. Pegawai Aset PTj</p> <p><u>Setiausaha:</u> Pegawai Aset Universiti</p> <p><u>Urus setia:</u> Bahagian Perolehan &amp; Pengurusan Aset, Pejabat Bendahari</p>	<p><u>Ahli:</u>  a. Ketua Audit Dalam/Wakil  b. Bendahari/Wakil  c. Pegawai Aset I/II PTj</p> <p><u>Setiausaha:</u> Pegawai Aset Universiti</p> <p><u>Urus setia:</u> Bahagian Perolehan &amp; Pengurusan Aset, Pejabat Bendahari</p>
2.	Jawatankuasa Pelupusan Universiti (JKPU)	<p><u>Pengerusi:</u> Mana-mana Timbalan Naib Canselor</p> <p><u>Ahli:</u>  a. Pengarah Pengurusan Infrastruktur &amp; Aset (PPIA)  b. Pengarah Pusat Komputeran &amp; Informatik (PKI)  c. Pendaftar  d. Ketua Audit Dalam</p> <p><u>Ahli Ganti:</u>  a. Timbalan Pengarah PPIA  b. Timbalan Pendaftar</p> <p><u>Setiausaha:</u> Bendahari</p> <p><u>Urus setia:</u> Bahagian Perolehan &amp; Pengurusan Aset, Pejabat Bendahari</p> <p>Korum Mesyuarat : 50% daripada ahli</p>	<p><u>Pengerusi:</u> Timbalan Naib Canselor (Akademik &amp; Antarabangsa)</p> <p>Pengerusi Ganti: Mana-mana Timbalan Naib Canselor</p> <p><u>Ahli:</u>  a. Pengarah Pejabat Pembangunan Universiti (PPU)  b. Pengarah Pusat Komputeran &amp; Informatik (PKI)  c. Pendaftar  d. Timbalan Pendaftar, Unit integriti</p> <p><u>Ahli Ganti:</u> Mana-mana pegawai Pengurusan &amp; Profesional Gred 48 ke atas yang dinamakan oleh ahli.</p> <p><u>Setiausaha:</u> Bendahari</p> <p><u>Urus setia:</u> Bahagian Perolehan &amp; Pengurusan Aset, Pejabat Bendahari</p> <p>Korum Mesyuarat : 50% daripada ahli</p>

BIL.	JAWATANKUASA	KEAHLIAN	
		LAMA	PINDAAN
3.	Jawatankuasa Pemeriksa (Teknikal) Pelupusan	<p><u>Pengerusi:</u> Bendahari</p> <p><u>Ahli:</u></p> <p>a. Wakil Pengarah/Ketua PPIP</p> <p>b. Wakil Pengarah/Ketua PTM</p> <p>c. Wakil Pendaftar</p> <p>d. Ketua Jabatan @ Wakil PTj yang mohon pelupusan</p> <p><u>Urus setia:</u> Bahagian Aset &amp; Inventori, Pejabat Bendahari</p>	<p><u>Pengerusi:</u> Bendahari</p> <p><u>Pengerusi</u> <u>Ganti:</u> Timbalan Bendahari</p> <p><u>Ahli:</u></p> <p>a. Wakil Pengarah Pejabat Pembangunan Universiti (PPU)</p> <p>b. Wakil Pengarah Pusat Komputeran &amp; Informatik (PKI)</p> <p>c. Wakil Pendaftar</p> <p>d. Ketua PTj/Wakil PTj yang mohon pelupusan</p> <p><u>Urus setia:</u> Bahagian Perolehan &amp; Pengurusan Aset, Pejabat Bendahari</p>
4.	Pegawai Pemeriksa/ Pemverifikasi Aset dan Inventori	Sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai berjawatan gred 27 ke atas	Sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai berjawatan gred 19 ke atas

**Jadual 2 : Pindaan Keahlian Jawatankuasa Berkaitan Pengurusan Aset**

#### **4.0 PEMAKAIAN**

4.1 Surat pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, consisting of several loops and a long horizontal stroke extending to the right.

**JUNAIDAH BINTI BADAR**

Bendahari

b.p: Naib Canselor